

Headline **2,587 banduan meninggal di hospital**
Date **23 Dec 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **24**
Article Size **84 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **827**
PRValue **2,481**



2,587 banduan meninggal di hospital

HAMPIR 99 peratus daripada 2,587 penghuni penjara meninggal dunia di hospital akibat masalah kesihatan dari tahun 2000 hingga 23 November lalu, Dewan Negara diberitahu semalam.

Memetik perangkaan Jabatan Penjara, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, 2,555 kes kematian banduan berlaku di hospital ketika mereka menjalani rawatan terutama penyakit HIV.

“Penyebab kematian lain ialah penyakit septicaemia, tibi, kanser, sakit jantung, masalah darah serta asma,” katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator Mustafa Kamal Mohd Yusoff mengenai bilangan dan punca kematian banduan penjara sejak tahun 2000

Hishammuddin berkata, hanya 32 kes atau 1.2 peratus kematian di kalangan penghuni penjara berlaku dalam penjara.

“Hasil siasatan dan bedah siasat bagi kematian penghuni dalam penjara mendapati 31 orang bunuh diri dengan menggantung diri manakala satu kes akibat terkena kejutan elektrik,” katanya. — Bernama